

PRIVATE TOUR – 4 HARI 3 MALAM BANDA ACEH DISCOVERY

Indonesia

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Lihat Keunikan Banda Aceh! 🌟 Dari seni warisan hingga kecantikan alamnya yang menakjubkan, sertai perjalanan kami ke destinasi yang memikat hati. Nikmati pengalaman tak terlupakan di Banda Aceh bersama pakej istimewa kami! 📸 🗺️



ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: TIBA DI BANDA ACEH - BANDA ACEH TOUR (MT/MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Iskandar Muda, anda akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum memulakan lawatan di sekitar Banda Aceh. Perjalanan dimulakan dengan kunjungan ke Taman Makam Tsunami, sebuah lokasi bersejarah yang memperingati tragedi tsunami 2004 serta menjadi simbol ketabahan masyarakat Aceh.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Kapal PLTD Apung, sebuah kapal penjana elektrik seberat ribuan tan yang dihanyutkan sejauh beberapa kilometer ke daratan ketika tsunami, kini menjadi salah satu ikon utama di Banda Aceh.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel untuk berehat seketika.

Pada sebelah petang, lawatan diteruskan ke Masjid Rahmatullah di Lampu'uk, yang terkenal sebagai salah satu struktur yang terselamat daripada tsunami. Kemudian, anda akan dibawa ke Pantai Lampu'uk, sebuah pantai yang indah dengan suasana tenang, sesuai untuk bersantai dan menikmati pemandangan laut.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 2: FULL DAY TOUR BANDA ACEH (S/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel sebelum memulakan lawatan di sekitar Banda Aceh. Lawatan dimulakan ke Muzium Tsunami Aceh, sebuah kompleks memorial yang direka sebagai simbol peringatan dan refleksi terhadap tragedi tsunami 2004, dengan galeri interaktif yang menceritakan kisah ketabahan masyarakat tempatan.

Seterusnya, kunjungan ke Muzium Negeri Aceh, yang mempamerkan pelbagai artifak sejarah, budaya dan warisan Kesultanan Aceh, termasuk rumah tradisional Aceh yang unik.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum anda dibawa untuk sesi membeli-belah barangan cenderamata di sekitar bandar.

Lawatan diteruskan ke Masjid Baiturrahim Ulee Lheue, sebuah masjid bersejarah yang turut terselamat daripada bencana tsunami. Menjelang waktu petang, anda akan berpeluang menunaikan solat Maghrib di Masjid Raya Baiturrahman, ikon utama Banda Aceh yang terkenal dengan seni bina indah dan suasana yang menenangkan.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 3: FULL DAY TOUR BANDA ACEH (S/MT/MM)

Sarapan pagi di hotel sebelum memulakan lawatan hari ini. Anda akan dibawa ke Pasar Aceh, pusat membeli-belah utama yang terkenal dengan pelbagai barangan seperti pakaian, tudung, kain, kasut serta kelengkapan ibadah — sesuai untuk mendapatkan cenderamata tempatan.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Gunongan, sebuah struktur bersejarah yang dibina pada zaman Kesultanan Aceh sebagai simbol kasih sayang Sultan kepada permaisurinya. Kemudian, kunjungan ke Kubah Terdampar di Tengah Sawah, sebuah kubah masjid yang dihanyutkan jauh ke daratan ketika tsunami, kini menjadi simbol kekuatan alam. Lawatan turut merangkumi ke Rumah Cut Nyak Dhien, rumah tradisional yang memperingati perjuangan tokoh wanita terkenal Aceh dalam menentang penjajahan.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum meneruskan lawatan ke Kapal di Atas Rumah, satu lagi peninggalan tsunami yang unik di mana sebuah bot nelayan besar tersangkut di atas sebuah rumah. Lawatan diteruskan ke Masjid Harun Keuchik Leumik, sebuah masjid tempatan yang mencerminkan kehidupan komuniti setempat.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 4: DEPARTURE - SULTAN ISKANDAR MUDA AIRPORT (S)

Sarapan pagi di hotel sebelum daftar keluar. Anda kemudiannya akan dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Iskandar Muda untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Dengan itu, berakhirlah perjalanan anda di Banda Aceh yang penuh dengan pengalaman sejarah, budaya dan keindahan alam.

MAKLUMAT HARGA

| PENGINAPAN | HARGA SEORANG (MYR) | | | | GROUP SIZE (PAX) |
|---|---------------------|-------------|--------------------------|-------------------------|------------------|
| | BERDUA/BERTIGA | SINGLE SUPP | KANAK-KANAK DENGAN KATIL | KANAK-KANAK TANPA KATIL | |
| Ground Only: Grand Permata Hati / Oasis OR Similar | 960 | - | 960 | 480 | 2 |
| | 860 | - | 860 | 430 | 3-5 |
| | 790 | - | 790 | 400 | 6-8 |
| Penerbangan pergi balik AirAsia KUL-BTJ-KUL (kos RM800/seorang)estimate* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih. | | | | | |

PAKEJ TERMASUK :

- Penginapan hotel
- Makanan seperti yang dinyatakan dalam program (Makanan Halal)
- Pengangkutan sepanjang tour
- Perkhidmatan Pemandu Pelancong (berbahasa Melayu) (02 - 07 Pax Driver Cum Guide)
- Semua bayaran masuk seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan
- Air Mineral setiap hari

PAKEJ TAK TERMASUK :

- Tiket penerbangan dan Cukai Lapangan Terbang Antarabangsa *
- Tips untuk pemandu dan tour guide
- Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Perbelanjaan Peribadi (Porter, Dobi, telefon, Lawatan Pilihan, dll)

HARGA KANAK-KANAK:

- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 100% Bilik Kongsi
- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 50% Tiada Katil
- Untuk Bayi, akan berkongsi makan dan tidur dengan ibu bapa dan oleh itu FOC.

NOTA & SURCAJ :

Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN

Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.

Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

The above itineraries are to be used as guide, may change slightly.

TERMS & CONDITIONS APPLY!

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6537

Zawati : 019-2277253

Saidatul : 011-2866 2548